

# **Kertas Bil. 6/2016**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR  
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE  
MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR (JPK-  
SAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG  
“KUALITI: KAWALAN PENCEGAHAN PENCEMARAN DI  
LEMBANGAN LANGAT DAN KAEDAH MITIGASI  
PENCEMARAN DI NEGERI SELANGOR”**

---

**PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR  
SELANGOR (JPK-SAS), DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG**

**“KUALITI : KAWALAN PENCEGAHAN PENCEMARAN DI LEMBANGAN LANGAT DAN  
KAEDAH MITIGASI PENCEMARAN DI NEGERI SELANGOR.”**

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1. JPK-SAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 3hb Februari 2016 mengenai “Kualiti : Kawalan Pencegahan Pencemaran Di Lembangan Sungai Langat.”

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Sebagai Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyiasat sebarang isu yang berkaitan dengan pengurusan air di dalam Negeri Selangor, adalah penting untuk ahli-ahli JPK-SAS memastikan bahawa Kerajaan Negeri Selangor ada perancangan yang sempurna untuk memastikan kualiti air mentah di Negeri Selangor adalah menepati piawaian kemampuan loji rawatan air sedia ada untuk memastikan ianya selamat untuk pengguna di Negeri Selangor.
- 2.2. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah dipanggil untuk memberi keterangan bagi tujuan di atas.

**3. AHLI JAWATANKUASA**

- 3.1. Y.B. Puan Yeo Bee Yin  
ADN Damansara Utama
- 3.2. Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah  
ADN Bangi
- 3.3. Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam  
ADN Seri Andalas
- 3.4. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran  
ADN Bukit Gasing
- 3.5. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad  
ADN Ijok
- 3.6. Y.B. Dato' Sulaiman bin Abdul Razak, P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N.  
ADN Permatang
- 3.7. Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah  
ADN Bukit Melawati

#### 4. SENARAI NAMA SAKSI-SAKSI

- 4.1. Nama saksi-saksi yang hadir ke Pendengaran Tertutup pada 3hb Februari 2016 adalah seperti di Lampiran 1.

#### 5. KETERANGAN ISU-ISU PENTING

Ringkasan isu-isu penting adalah seperti berikut:

##### 5.1. Kejadian dan Punca Pencemaran

- 5.1.1. Jadual ini menunjukkan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Batu 11 Cheras dan LRA Bukit Tampoi untuk tahun 2016. LRA Batu 11 Cheras dan LRA Bukit Tampoi berhenti tugas disebabkan oleh peningkatan paras kandungan ammonia di Sungai Langat seperti jadual berikut:

| LRA BT. 11 CHERAS  | LRA B. TAMPOI   |
|--|---|
|  | 9/1/16 : <b>Henti tugas</b> pada 6.00 pm<br>(Mn : 0.52 mg/l)                        |
|  | 11/1/16 : <b>Operasi semula</b> pada 8.40pm<br>(Tempoh henti tugas : 49 jam 20 min) |
|  | 12/1/16 : <b>Henti tugas</b> pada 4.30 pm<br>(AN : 4 mg/l)                          |
| 14/1/16 : <b>Henti tugas</b> pada 11.30 am (AN : 3.69 mg/l)                |   |
| 15/1/16 : <b>Operasi semula</b> pada 4.30 pm (Tempoh henti tugas : 29 jam) | 15/1/16 : <b>Operasi semula</b> pada 7.00 pm (Tempoh henti tugas : 74 jam 30 minit) |
| 31/1/16 : <b>Henti tugas</b> pada 12.00 pm (AN : 3.69 mg/l)                |   |
| 1/2/16 : <b>Operasi semula</b> pada 7.00 pm (Tempoh henti tugas : 31 jam)  |   |

- 5.1.2. Masalah yang sama pernah dihadapi pada tahun 1999, 2008, 2014 dan 2015. Isu ini sering berlaku pada musim kering akibat pengurangan air sungai untuk mencairkan *pollution loading* di Sungai Langat.

- 5.1.3. Isu ini telah berkali-kali ditimbulkan oleh JPK-SAS dalam Penyata-Penyata Pencemaran Air Di Loji Rawatan (Kertas Bil. 16 Tahun 2015), Pengurusan Air Dan Pembekalan Sumber Air Mentah (Kertas Bil. 14 Tahun 2015),

Pencemaran Sungai Semenyih (Kertas Bil. 13 Tahun 2015), dan Kaedah Menangani Pencemaran Air (Kertas Bil. 37 Tahun 2015).

## 5.2. Usaha Mengatasi Masalah Pencemaran

### 5.2.1. Pindaan undang-undang

- i. Memandangkan masalah pencemaran terus berlaku dengan semakin serius maka cadangan untuk meminda undang-undang turut dikemukakan sepetimana yang telah dicadangkan dalam Penyata-Penyata JPK-SAS yang lepas.
- ii. LUAS telah berusaha untuk memberikan cadangan kepada pihak Kerajaan Negeri dan Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor melalui surat bertarikh 18hb Julai 2013 mengenai pindaan piawaian pelepasan *effluent* ke sungai untuk mengurangkan kadar pencemaran Ammonia dalam air Sungai Langat. Namun, dimaklumkan perkara ini tidak boleh dilakukan tanpa pindaan undang-undang di peringkat Kerajaan Persekutuan.
- iii. Antaranya, LUAS telah memberikan cadangan parameter pelepasan bahan pencemar yang lebih ketat berbanding dari yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Contoh saranan yang dibuat oleh LUAS kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang adalah untuk mengawalselia dan menetapkan had parameter *Faecal coliform/E.Coli* dengan had parameter pelepasan tidak melebihi 100/100ml di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.
- iv. Pihak LUAS adalah tertakluk kepada item 6(c) Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa hal ehwal air sungai adalah di bawah Kerajaan Negeri. Oleh itu, pihak LUAS mencadangkan supaya Negeri Selangor dikecualikan daripada pemakaian s. 1(2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 berkaitan isu pelepasan pencemaran dan permohonan boleh dibuat kepada Menteri untuk membenarkan Selangor menggunakan pakai piawaian pelepasan pencemaran yang lebih ketat.
- v. Penasihat Undang-Undang melalui surat bertarikh 13hb Februari 2013 dan 25hb Februari 2014 telah memaklumkan kepada LUAS bahawa Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan undang-undang Persekutuan akan mengatasi sebarang percanggahan atau konflik melibatkan undang-undang Negeri dan LUAS hanya boleh membuat peraturan-peraturan yang tidak disentuh oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor. Menurut Seksyen 21 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, sebarang penetapan piawaian pelepasan pencemaran atau kumbahan hanya boleh ditentukan oleh Menteri di Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar Malaysia setelah berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling. Oleh itu, cadangan LUAS dikatakan tidak wajar dilaksanakan.

### 5.2.2. Penggunaan Kolam Takungan di Bukit Tampoi

- i. Selepas insiden pencemaran mangan berlaku di Sungai Langat, tindakan yang telah diambil oleh LUAS adalah mengadakan kolam takungan air iaitu Kolam Orang Asli Bukit Tampoi.
- ii. Dengan memberi fokus ke atas Kolam Orang Asli Bukit Tampoi, kolam takungan air diguna pakai untuk mencairkan kandungan ammonia dalam air sungai secara serta merta.
- iii. Apabila situasi di mana peningkatan pencemaran kandungan ammonia dan mangan berlaku, Kolam Orang Asli Bukit Tampoi akan digunakan secara serta merta untuk mencairkan kandungan pencemaran di Sungai Langat.
- iv. Sekiranya paras kolam air takungan adalah di paras ideal (3.5-4 meter), maka kolam takungan di Bukit Tampoi adalah mencukupi untuk kegunaan LRA Bukit Tampoi selama tiga (3) hari.

### 5.2.3. Operasi Pemberian Awan

- i. Operasi Pemberian Awan (OPA) akan terus dilaksanakan oleh LUAS pada tahun 2016 seperti tahun 2014 dan 2015. Pada tahun 2016, OPA akan turut membantu dalam meningkatkan kadar taburan hujan di kawasan tadahan empangan dan lembangan sungai yang seterusnya akan meningkatkan kadar pencairan sungai dan mengurangkan masalah pencemaran ammonia dan mangan di Sungai Langat.
- ii. LUAS telah dinasihati oleh Kerajaan Thailand untuk melakukan aktiviti ini hanya sekiranya paras kelembapan udara adalah 60% untuk memastikan hujan turun. Pada tahun 2015 Selangor telah melakukan OPA sebanyak 440 kali. Manakala pada tahun 2016, OPA telah dilaksanakan sebanyak 10 kali, di mana sebanyak 68 biji *Hygroscopic Flare* digunakan.

### 5.2.4. Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor

- i. Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor merangkumi pemindahan air mentah dengan kapasiti 1890 JLH dari Sungai Semantan di Pahang menggunakan lapan (8) unit pam beroperasi dan empat (4) unit pam tunggu sedia berkapasiti 300 JLH setiap unit yang kemudian disalurkan melalui terowong berdiameter 5.2 meter dan seterusnya disalurkan terus ke LRA Langat 2 di Negeri Selangor. Kos pengeluaran 300 JLH setiap hari adalah sebanyak RM 30,000.
- ii. LUAS akan mengaktifkan penggunaan sehingga 500 JLH Penyaluran Air Mentah Pahang Selangor berdasarkan situasi berikut :
  - a. Sekiranya kapasiti empangan berada pada paras 45% takungan; dan

- b. Sekiranya parameter ammonia di dalam Sungai Langat melebihi 1.5 mg/l.

#### 5.2.5. Skim Pemindahan Air Empangan Semenyih (WT2) ke Sungai Langat

- i. Skim Pemindahan Air Empangan Semenyih (WT2) ini melibatkan penyaluran air daripada Empangan Semenyih ke Sungai Lui yang seterusnya akan memasuki Sungai Langat.
- ii. Penyaluran air daripada Empangan Semenyih ke Sungai Lui ini dijalankan bagi mengurangkan pelepasan air Empangan Sungai Langat dan meningkatkan paras air Sungai Langat.
- iii. Operasi WT2 ini telah mula dijalankan pada 3hb Julai 2015 dengan penyaluran air sebanyak 70 JLH dan diteruskan sehingga awal tahun ini.

#### 5.2.6. Rangkaian Komunikasi Agensi Kerajaan Negeri

- i. Apabila berlakunya insiden perlanggaran piawaian kandungan bahan pencemar yang dikesan oleh pihak loji rawatan air, pihak LUAS, UPEN dan sebagainya akan dimaklumkan serta merta melalui aplikasi teks *WhatsApp*.

#### 5.2.7. Tindakan-Tindakan Lain yang diambil

- i. Kajian Jumlah Beban Harian Maksimum (*Total Maximum Daily Load*) Untuk Sungai Langat (sedang dijalankan oleh perunding yang dilantik November 2015 – April 2016)
- ii. Pemantauan dari semasa ke semasa oleh pihak LUAS di sekitar Sungai Langat.
- iii. Pemantauan berterusan paras ammonia di LRA oleh Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB).

#### 5.2.8. Projek Infrastruktur Jangkamasa Panjang

- i. Projek Rasionalisasi oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan melibatkan 162 STP yang melibatkan kategori 2 dan 3, dan 970,000 orang pengguna. Peringkat 1 akan siap pada tahun 2017 (400,000 PE). Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 2020.
- ii. Cadangan untuk menaik taraf tangki rawatan dan kerja M&E di LRA Batu 11 Cheras dan Bukit Tampoi untuk mengurangkan kepekatan kandungan parameter ammonia di Sungai Langat bagi mengelakkan henti tugas LRA apabila ammonia dalam air mentah melebihi 3mg/l yang dijangka menelan kos RM 1.87 juta.

- iii. Cadangan penjajaran dan pemasangan paip mentah di Muka Sauk Loji Pembersihan Air Sungai Langat sepanjang 4.0 km, paip 700 mm diameter, dengan kadar alir 31.3 mld (0.9 m/s) dan dijangka menelan kos RM 6 juta.

## 6. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 6.1 JPK-SAS mendapati bahawa Kerajaan Negeri tidak mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap keputusan pelepasan air dari terowong Projek Langat 2 ke Sungai Langat. Menurut pihak LUAS, Kerajaan Negeri Selangor sedang menghadapi masalah untuk mendapatkan air dari terowong Projek Langat 2 berikutan kesulitan yang dihadapi oleh LRA Mempatih (yang hanya mampu mengeluarkan 2 JLH) di Sungai Semantan, Pahang di mana muka sauk adalah terlalu tinggi dan memerlukan air yang banyak di Sungai Semantan untuk mencapai paras muka sauk. Kerajaan Negeri Pahang mengutamakan keperluan LRA Mempatih dan tidak membentarkan pengeluaran air ke terowong apabila paras air Sungai Semantan lebih rendah daripada muka sauk LRA Mempatih.
- 6.2 JPK-SAS mendapati bahawa Kerajaan Negeri mampu mengambil tindakan-tindakan yang lebih banyak untuk menyelesaikan masalah pencemaran sungai. Saranan-saranan daripada Penyata-Penyata JPK-SAS yang lepas berkaitan isu pencemaran sepertimana yang tersenarai di perenggan 5.1.3 sepatutnya diberi perhatian utama dengan melaksanakan tindakan-tindakan yang lebih proaktif.
- 6.3 JPK-SAS mendapati bahawa tiada kaedah komunikasi formal dan bertulis antara agensi-agensi pengurusan air kerajaan. Masalah komunikasi antara agensi-agensi pengurusan air di Negeri Selangor dikesan kerana terdapatkekangan atau *disconnect* antara masa operasi loji mengesan pencemaran dan masa pemakluman kepada LUAS dan agensi-agensi Kerajaan Negeri yang lain untuk mengambil tindakan yang perlu untuk memastikan tiada gangguan air berlaku.

## 7. SARANAN JAWATANKUASA

- 7.1. Kerajaan Negeri Selangor hendaklah merujuk semula kepada Penyata-Penyata JPK-SAS yang lepas yang tersenarai di perenggan 5.1.3 dan mengambil tindakan-tindakan yang proaktif.
- 7.2. Kerajaan Negeri hendaklah memastikan kesemua agensi pengurusan air di Negeri Selangor yang terlibat dalam pengawalan pencemaran air jelas mengenai rantaian komunikasi antara mereka.
- 7.3. Antara lembangan-lembangan sungai di Selangor, JPK-SAS berpendapat bahawa Lembangan Sungai Langat akan menghadapi cabaran yang paling besar pada musim kering ini untuk membekalkan keperluan air mentah yang mencukupi. Sepertimana surat bertarikh 24hb Februari 2016 yang telah dikemukakan kepada Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor dan Y.B Tuan Zaidy bin Abdul Taib, Penggerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, saranan-saranan JPK-SAS untuk tindakan serta-merta adalah seperti berikut:

empangan hanya disalurkan selepas pencemaran berlaku, maka ia akan mengambil masa 14 jam untuk sampai ke muka-sauk LRA. Sekiranya cadangan ini dilaksanakan, kapasiti Empangan Langat adalah mencukupi sehingga 300 hari tanpa hujan. Pendekatan ini adalah jauh lebih baik berbanding tindakan reaktif sedia ada di mana air hanya disalurkan apabila pencemaran telah berlaku.

- 7.3.2. Mengemukakan surat arahan kepada LRA di Lembangan Sungai Langat supaya melaporkan bacaan muka sauk LRA kepada LUAS setiap dua (2) jam sekali bertujuan untuk memantau kualiti air;
- 7.3.3. Memastikan bekalan air dari terowong Projek Langat 2 boleh digunakan apabila diperlukan. Kerajaan Negeri Selangor perlu memastikan tindakan-tindakan bersesuaian diambil supaya Kerajaan Negeri Pahang boleh mengatasi kerumitan di Sungai Semantan (Pahang) untuk memastikan bekalan air mentah di Sungai Langat (Selangor) tidak terjejas.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Puan Yeo Bee Yin, Pengerusi JPK-SAS dan telah dibincangkan serta diluluskan oleh Ahli-ahli JPK-SAS di mesyuarat JPK-SAS pada 17hb Februari 2016.

Disahkan oleh :



.....

Y.B. Puan Yeo Bee Yin

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Negeri Selangor

**URUS SETIA:**

- |   |                             |
|---|-----------------------------|
| 1. Puan Elya Marini binti Darmin            | Setiausaha Bahagian (Dewan) |
| 2. Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar | Penolong Setiausaha (Dewan) |
| 3. Cik Azira binti Aziz                     | Penyelidik Kanan            |
| 4. Cik Apsara Murale                        | Penyelidik                  |
| 5. Puan Izan binti Mohamad Taib             | Pembantu Tadbir             |

**LAMPIRAN 1:****Bil. 3/2016**

|               |          |  |
|---------------|----------|--|
| <b>Tarikh</b> | <b>:</b> | 3 Februari 2016 (Rabu)   |
| <b>Masa</b>   | <b>:</b> | 2.00 petang  |
| <b>Tempat</b> | <b>:</b> | Bilik Mesyuarat<br>Majlis Tindakan Ekonomi Selangor<br>(MTES)<br>Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS |

**Jabatan yang dijemput:****Seksyen Makro dan Penswastaan (UPEN)**

1. Encik Mohd Yazid bin Sairi  
Timbalan Pengarah
2. Puan Mazidah binti Ahmad Ramli  
Ketua Penolong Pengarah
3. Puan Wan Nur Aisyah binti Wan Din  
Penolong Pengarah

**Jawatankuasa Pemantauan Air**

1. Tn. Hj. Khairy bin Yeob

**Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)**

1. Encik Nor Zamri bin Sondor  
Pemangku Pengarah
2. Muhamad Khairi bin Jalil  
Jurutera
3. Encik Mohd Nazifi bin Nawawi  
Pegawai Kawalan Alam Sekitar

**Jabatan Alam Sekitar (JAS)**

1. Puan Siti Zaleha binti Ibrahim  
Pengarah
2. Encik Azlan bin Ahmad  
Ketua Penolong Pengarah Kanan

**NOTIS PINDAAN**  
**KERTAS MESYUARAT BILANGAN 6 TAHUN 2016**

---

Adalah dimaklumkan bahawa terdapat kesilapan cetakan pada mukasurat 6 Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Select Committee On Water Resource Management Of The State Of Selangor (JPK-SAS)*) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung “Kualiti: Kawalan Pencegahan Pencemaran Di Lembangan Langat Dan Kaedah Mitigasi Pencemaran Di Negeri Selangor”, yang telah diedarkan sebelum ini iaitu tambahan seperti para berikut :

**Para 7.3.1** : Mengemukakan surat arahan kepada UPEN dan LUAS untuk mengkaji dan mempertimbangkan kemungkinan kesesuaian air sebanyak 100JLH atau kadar aliran yang bersesuaian disalurkan daripada Empangan Langat secara berterusan (24 jam sehari) tanpa henti sepanjang musim kering. Cadangan ini dibuat sebagai langkah pencegahan peningkatan kadar kandungan pencemaran Ammonia akibat kekurangan air di sungai. Jika air daripada.....(sambungan pada muka surat 7)

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(Y.B. PUAN YEO BEE YIN)

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor

Disahkan oleh,

(HANNAH YEOH TSEOW SUAN)

Tuan Speaker Dewan Negeri Selangor

1 April 2016